

Nombor ID Keluarga: _____ Nama Peserta: _____

Hak dan Tanggungjawab WIC (WIC Rights and Responsibilities)

Kami ingin memastikan bahawa anda memahami hak dan tanggungjawab sebagai peserta WIC. Hak dan tanggungjawab WIC juga terpakai jika anda menerima manfaat Farmers' Market Nutrition Program (Program Pemakanan Pasar Tani, FMNP) WIC. Hak dan tanggungjawab FMNP termasuk tetapi tidak terhad kepada layanan penuh hormat dan beradab daripada penjual FMNP, dan menggunakan manfaat pasar tani seperti yang diarahkan oleh kakitangan WIC.

Hak Saya

- **Makanan WIC:** Jika saya layak untuk WIC, saya akan mendapat kad eWIC untuk membeli makanan sihat. WIC menyediakan beberapa, tetapi bukan semua makanan/formula yang diperlukan oleh setiap peserta.
- **Maklumat nutrisi:** Saya akan mendapatkan maklumat tentang pemakanan yang sihat dan kehidupan yang aktif.
- **Sokongan penyusuan ibu:** WIC akan membantu dan menyokong saya dengan penyusuan ibu.
- **Maklumat penjagaan kesihatan:** Saya akan mendapat maklumat tentang imunisasi, mencari penjagaan kesihatan, dan perkhidmatan lain yang mungkin saya berminat.
- **Layanan yang adil:** Peraturan untuk mendapatkan WIC adalah sama untuk semua orang. Saya boleh meminta untuk Perbicaraan Adil jika seseorang memberitahu saya bahawa saya tidak layak untuk WIC dan saya tidak bersetuju.
- **Budi bahasa:** WIC dan staf kedai akan melayan saya dengan berbudi bahasa dan hormat. Saya boleh memberitahu staf WIC jika saya tidak dilayan dengan hormat.
- **Maklumat pemindahan:** Saya boleh memindahkan WIC saya kepada klinik atau negeri yang lain. Saya boleh meminta kertas pemindahan.
- **Program Nutrisi WIC Program tidak mendiskriminasi:**

Kenyataan Tanpa Diskriminasi USDA

Menurut undang-undang hak sivil persekutuan dan peraturan serta dasar hak asasi U.S Department of Agriculture (Jabatan Pertanian A.S., USDA), institusi ini dilarang membezakan berdasarkan bangsa, warna, asal negara, jantina, (termasuk identiti jantina dan orientasi seksual), ketidakupayaan, umur, atau lawan balas atau tindakan balas untuk aktiviti hak sivil terdahulu.

Maklumat program mungkin tersedia dalam beberapa bahasa selain bahasa Inggeris. Orang kurang upaya yang memerlukan cara komunikasi alternatif untuk mendapatkan maklumat program (cth., Braille, cetakan dokumen yang besar, pita audio, Bahasa Isyarat Amerika), hendaklah menghubungi negeri yang bertanggungjawab atau agensi tempatan yang mentadbir program atau USDA TARGET Center di (202) 720-2600 (suara dan mesin teletaip) atau hubungi USDA melalui Federal Relay Service (Perkhidmatan Khidmat Geganti) di (800) 877-8339.

Untuk memfailkan aduan diskriminasi program, Pengadu hendaklah melengkapkan Borang AD-3027, Borang Aduan Diskriminasi Program USDA yang boleh diperoleh dalam talian di: <https://www.usda.gov/sites/default/files/documents/ad-3027.pdf>, dari mana-mana pejabat USDA, dengan menghubungi (866) 632-9992, atau dengan menulis surat yang dialamatkan kepada USDA. Surat tersebut mestilah mengandungi nama pengadu, alamat, nombor telefon dan penerangan butiran bertulis tentang tindakan diskriminasi yang didakwa berlaku secukupnya untuk memaklumkan Assistant Secretary for Civil Rights (Penolong Setiausaha bagi Hak Sivil, ASCR) tentang jenis dan tarikh berlakunya pelanggaran hak sivil yang didakwa tersebut. Borang AD-3027 atau surat yang lengkap mestilah diserahkan kepada USDA melalui:

1. **mel:**
U.S. Department of Agriculture
Office of the Assistant Secretary for Civil Rights
1400 Independence Avenue, SW
Washington, D.C. 20250-9410; atau
2. **faks:**
(833) 256-1665 atau (202) 690-7442; atau
3. **e-mel:**
program.intake@usda.gov

Institusi ini merupakan penyedia peluang yang sama.

Maklumat Yang Dikongsikan

Maklumat anda mungkin dikongsikan:

- Dengan program WIC yang lain jika anda berpindah.
- **Dengan program awam lain yang boleh membantu anda. Anda boleh meminta untuk melihat senarai program.**
- Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.

Tanggungjawab Saya

Saya bersetuju untuk memberikan maklumat yang betul dan lengkap tentang:

- Identiti saya, status kehamilan, status penyusuan susu ibu, alamat, dan nombor telefon.
- Pendapatan isi rumah saya.
- Bilangan isi rumah saya.
- Dengan berada dalam Medicaid, FoodShare (setem makanan), Temporary Assistance to Needy Families (Bantuan Sementara kepada Keluarga Yang Memerlukan, TANF), atau Food Distribution Program on Indian Reservations (Program Pengagihan Makanan di Tanah Rizab Orang Asli Amerika, FDPIR).

Saya bersetuju untuk mengikut peraturan-peraturan di bawah. Saya akan:

- Mendapat manfaat daripada salah satu klinik WIC pada setiap bulan.
- Melaporkan kehilangan atau kecurian kad eWIC atau pam susu WIC kepada staf WIC.
- Memastikan sesiapa yang saya namakan untuk menggunakan kad eWIC saya mengetahui peraturan WIC. Saya akan mengajar mereka cara menggunakan kad eWIC saya dengan betul.
- Menghadiri janji temu WIC atau menghubungi klinik untuk menjadualkan semula janji temu.
- Menggunakan makanan dan formula WIC hanya untuk individu yang berada dalam WIC dan memastikan makanan tersebut sampai kepada individu yang berada dalam WIC sekiranya terdapat hak jagaan bersama, keluarga angkat, dll.
- **Tidak menjual, memberi atau menawarkan kad eWIC saya, makanan atau formula WIC, atau pam susu.** Jika saya mempunyai item WIC yang saya tidak guna, saya akan memulangkannya ke klinik.
- Tidak menjual/menukar atau memulangkan kad eWIC saya, makanan atau formula WIC, atau pam susu untuk wang, kredit, kupon, atau item lain.
- **Tidak menyiarkan item WIC di Internet.**
- Mengikuti peraturan di dalam Panduan Membeli-belah WIC.
- Tidak mencarut, menjerit, mengganggu, mengugut atau mencederakan secara fizikal WIC atau staf kedai.
- Tidak melengkapkan transaksi saya sendiri, kecuali di lorong layan diri, jika saya bekerja di kedai WIC yang berdaftar.

Perjanjian: Saya mesti bersetuju untuk item-item ini berada dalam WIC:

- Semua maklumat yang saya berikan kepada WIC adalah benar. Saya akan memberitahu staf WIC dengan serta-merta jika terdapat perubahan.
- WIC boleh mengesahkan saiz isi rumah dan semua sumber pendapatan isi rumah saya.
- Jika saya melanggar peraturan WIC, saya atau anak saya boleh dikeluarkan daripada WIC.
- Jika saya menipu dan menyembunyikan fakta untuk mendapatkan makanan WIC atau tidak memulangkan pam susu yang dipinjamkan, saya mungkin perlu membayar balik nilai tunai item tersebut kepada WIC.
- WIC merupakan program bantuan persekutuan. Jika saya melanggar peraturan-peraturan WIC, saya boleh tertakluk kepada pendakwaan jenayah atau awam di bawah undang-undang kerajaan dan persekutuan.

Saya telah membaca borang ini, atau staf WIC telah membacakan borang ini kepada saya. Saya memahami dan bersetuju dengan peraturan dan perjanjian di atas, dan saya telah menerima salinan hak dan tanggungjawab ini dalam Panduan Membeli-belah WIC.

TANDATANGAN – Peserta/Ibu Bapa/Penjaga/Pengasuh

Tarikh Ditandatangani